

**LAWATAN KERJA KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
KE STESEN PENYELIDIKAN BIRAU, LADANG-
LADANG DI DAERAH TUTONG
OLEH
ROMBONGAN YANG BERHORMAT MENTERI
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

PADA: 20 HB JUN 2020

**DISEDIAKAN OLEH
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

20 JUN 2020

LAPORAN LAWATAN KERJA

1. **NAMA JABATAN** : Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
2. **TARIKH LAWATAN** : 28hb Syawal 1441 bersamaan dengan 20hb Jun 2020
3. **ROMBONGAN LAWATAN:**
 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Hj Ali bin Apong, Menteri KSSUP
 - Yang Mulia Dayang Hjh Masliana Yuliah binti Abdullah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan
 - Yang Mulia Pengiran Mohd Fadly Harfinie bin Pengiran Haji Mohd Kassim, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian & Agrimakanan
 - Pegawai-pegawai daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
4. **KAWASAN-KAWASAN /TAPAK-TAPAK PROJEK YANG DI LAWATI:**
 - Stesen Penyelidikan Pertanian Birau
 - Ladang Syarikat Bindaud Nursery, KKP Birau
 - Ladang Syarikat Green Technology Farm, KKP Batang Mitos
 - Ladang KPLB Meriuk
5. **Tujuan lawatan :**
 - Melawat perkembangan penambahan dan pembukaan kawasan di tapak-tapak syarikat yang baru
 - Menunjuk cara pemangkasan pokok buah dan penerangan mengenai penjagaan tanaman pisang di Bindaud Nursery
 - Menunjuk cara pembiakan durian dan pemangkasan pokok buah kepada Ahli-ahli Ladang KPLB
6. **KETERANGAN RINGKAS MENGENAI KAWASAN-KAWASAN /TAPAK-TAPAK YANG TELAH DILAWAT:**

6.1 Stesen Penyelidikan Pertanian Birau



Gambar Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan di Stesen Penyelidikan Pertanian Birau

6.2 LADANG SYARIKAT BINDAUD NURSERY, KKP BIRAU

Latarbelakang

- **Ladang Syarikat Bindaud Nursery, KKP Birau** diuruskan oleh Hj Awg Md Iskandar bin Hj Awg Md Daud/Umikalsom binti Mat Saruddin (Pemilik) yang bergiat sejak tahun 2018 dengan syarat kegiatan tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan pelbagai tanaman. Keluasan ladang yang diusahakan syarikat adalah 20 hektar bertempat Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Birau, Daerah Tutong.



Gambar Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan mengadakan sesi perbincangan bersama pihak Syarikat Bindaud Nursery di KKP Birau sebelum acara lawatan dimulakan



Gambar Yang Berhormat Menteri bersama Hj Awg Md Iskandar bin Hj Awg Md Daud (pemilik) Bindaud Nursery membuat tinjauan di ladang pihak syarikat di KKP Birau



Gambar Yang Berhormat Menteri Bersama Wong Seng Leong (Pengurus Projek) Bindaud Nursery membuat tinjauan di ladang pihak syarikat di KKP Birau



Haji Awg Md Iskandar Haji Md Daud (pemilik Bindaud Nursery) semasa pemangkasan pokok Durian Musang King yang dijalankan oleh Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pertanian



Hajah Jamilah binti Haji Abidin, pegawai Jabatan Pertanian menerangkan mengenai cara penjagaan pisang kepada pemilik Bindaud Nursery, Haji Awg Md Iskandar bin Haji Awg Md Daud

6.3 SYARIKAT GREEN TECHNOLOGY FARM

Latarbelakang

Syarikat Green Technology Farm dimiliki oleh Awg Yeo Kok Ket dan diuruskan oleh Dyg Tan Lee Jean telah bergiat sejak tahun 2018 dalam penanaman Pisang. Syarat kegiatan tapak yang ditawarkan kepada syarikat adalah tanaman Buah-buahan tidak bermusim untuk tapak seluas 4 hektar bertempat di Lot 3, KKP Batang Mitus, Daerah Tutong.



Yang Mulia Dyg Tan Lee Jean (pengurus) dan Yang Mulia Awg Yeo Kok Ket (pemilik) memberi penerangan ringkas kepada Yang Berhormat Menteri dan rombongan lawatan mengenai Projek Syarikat berkenaan



Gambar Yang Berhormat Menteri memegang bibit pisang cavendish yang didatangkan dari Filipina



Sesi bergambar ramai antara pihak rombongan lawatan dan pihak Syarikat Green Technology Farm

6.4 LADANG KPLB MERIUK

Latarbelakang

Ladang KPLB Meriuk telah bergiat sejak tahun 2004. Ia merupakan sebuah ladang koperasi yang diketuai oleh Muhd Iman Safwan bin Abdullah Andok. Seramai 69 peserta yang menyertai kegiatan penanaman di kawasan seluas 62.5 hektar di Kampong Meriuk (Mungkom), Mukim Kiudang. Pada masa ini, kegiatan penanaman buah-buahan telah diusahakan di kawasan berkenaan seperti tanaman durian, rambutan, cempedak, kelapa, limau kasturi, manga, manggis dan nangka.



Gambar pihak Ladang KPLB Meriuk Awg Muayah bin Anggas (Ahli Ladang KPLB Meriuk) menyampaikan penerangan ringkas kepada Yang Berhormat Menteri serta Rombongan Lawatan



Gambar salah seorang Pegawai Jabatan Pertanian Hajah Jamilah binti Haji Abidin membuat tunjuk ajar dan penerangan mengenai tatacara pembiakan durian



Ahli Ladang KPLB Meriuk yang sedang mempelajari cara Pemangkasan Pokok Durian yang ditunjukkan oleh Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pertanian



Sesi bergambar ramai bersama peladang-peladang KPLB Meriuk bersama Yang Berhormat Menteri serta Rombongan Lawatan dan kaki tangan pegawai Jabatan Pertanian



Gambar Yang Berhormat Menteri bersama Yang Mulia Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali, Pemangku Ketua Kampong Kiudang dan Yang Mulia Muayah bin Anggas, Ahli Ladang KPLB Meriuk berserta rombongan lawatan membuat tinjauan ladang